

ABSTRACTS

COLLECTION OF THESIS ABSTRACTS OF MASTER IN COMMUNITY HEALTH, DEPARTMENT OF COMMUNITY HEALTH , UKM

COMPLIANCE TOWARDS CLINIC FOLLOW-UP AND AND ITS RELATED FACTORS AMONG CEREBRAL-PALSIED CHILDREN AT HOSPITAL IPOH, PERAK, 1994

KOMPLIANS TERHADAP TINDAKSUSULAN KE KLINIK DAN FAKTOR-FAKTOR YANG MEMPENGARUHINYA DIKALANGAN KANAK-KANAK PALSI SEREBRAL DI HOSPITAL IPOH, PERAK, 1994

Zaharah Yaacob, Hanafiah Mohd. Salleh

ABSTRACT

A cross-sectional study on compliance towards clinic follow-up and its related factors was conducted at the Paediatric Clinic of Ipoh Hospital from December 1993 to March 1994. All 124 Cerebral-palsied children within the age limit of 3-12 years, attending the clinic and have been registered for at least one year before the study period participated in this study. Information were obtained from their guardian via a pre-tested guided questionnaire. The result of the study showed that only 37.9% of the sample has good compliance. The distribution of good compliance was highest among the Malays (50%), followed by the Chinese (22.8%) and the lowest among the Indians (21%). Compliance was also found to be significantly associated with ethnicity, parental educational status and income ($p < 0.05$). On the other hand compliance was not associated with functional dependency of the cerebral-palsied children or parental practice in relation to care of the handicapped children. In conclusion, compliance of clinic follow-up in the studied population is low and it is associated with socioeconomic factors. Poor compliance is still a problem. Better identification of the group with poor compliance is recommended in order to provide room for improvement.

ABSTRAK

Satu kajian irisan lintang mengenai komplians terhadap tindaksusulan ke klinik dan faktor-faktor yang mempengaruhinya telah dilakukan di Klinik Pakar Kanak-kanak Hospital Ipoh (KPKHI) dari Disember 1993 hingga Mac 1994. Kesemuanya iaitu sejumlah 124 orang anak-kanak Palsi Serebral (PS) yang berusia di antara 3-12 tahun yang menghadiri klinik ini dan telah didaftarkan sekurang-kurangnya satu tahun sebelum tarikh kajian menyertai kajian ini. Informasi kajian diperolehi daripada penjaga kanak-kanak PS dengan menggunakan Borang Soalselidik berpandu yang telah diprauji. Maklumat mengenai tindaksusulan ke klinik pula diperolehi dari rekod perubatan kanak-kanak PS. Hasil kajian menunjukkan 37.9% daripada populasi kajian mempunyai komplians terhadap tindaksusulan yang baik dengan komplians paling tinggi di kalangan bangsa Melayu (50%), diikuti oleh bangsa Cina (22.8%) dan paling rendah di kalangan bangsa India dengan komplians sebanyak 21%. Komplians didapati berbeza mengikut kumpulan etnik, taraf pendidikan serta taraf pendapatan penjaga ($p < 0.05$). Komplians terhadap tindaksusulan ke klinik tidak mempunyai hubungan yang bererti dengan tahap kecacatan kanak-kanak PS dan juga amalan penjaga dalam penjagaan kanak-kanak PS. Kesimpulannya komplians terhadap tindaksusulan ke klinik adalah rendah dan ia dipengaruhi oleh faktor sosioekonomi. Keadaan tidak komplians masih lagi merupakan suatu masalah. Penelitian ke atas kumpulan yang mempunyai komplians yang rendah patut dipergiatkan bagi membolehkan masalah ini dikurangkan.